

**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN SELANGOR
BILANGAN 3/2005**

=====

**GARIS PANDUAN SEMENTARA BAGI KES-KES PROBET DAN WASIAT DI
BAWAH SEKSYEN 60 AKTA PROBET DAN PENTADBIRAN 1959**

1. **TUJUAN**

Memberi garis panduan sementara untuk penyelesaian kes-kes probet dan wasiat di mana wakil ingin memindahmilik hartanah si mati kepada pihak lain tanpa memindahmilik hartanah kepada waris-warisi mati terlebih dahulu.

2. **LATAR BELAKANG**

Oleh kerana terdapat percanggahan tafsiran Seksyen 60 Akta Probet dan Pentadbiran 1959 di antara pejabat-pejabat tanah di Selangor dengan pengamal undang-undang maka suatu rujukan mengenai perkara ini akan dibuat kepada Peguam Kanan Persekutuan di Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG) di Jalan Semarak, Kuala Lumpur. Sementara menanti keputusan daripada JKPTG berhubung isu ini, Pejabat Tanah dan Galian Selangor memberikan garis panduan sementara untuk membolehkan transaksi-transaksi berkaitan perkara di atas diteruskan bagi mengelakkan penangguhan yang tidak munasabah.

3. **GARIS PANDUAN SEMENTARA UNTUK MEMINDAHMILIK HARTANAH
DARIPADA WAKIL KEPADA PIHAK LAIN TANPA MEMINDAHMILIK
KEPADA WARIS-WARIS TERLEBIH DAHULU DI DALAM KES-KES
PROBET DAN WASIAT**

3.1. Apabila terdapat permohonan untuk memindahmilik hartanah daripada wakil kepada pihak lain, khususnya pembeli maka Pentadbir / Pendaftar hendaklah memastikan dokumen-dokumen berikut dilampirkan:-

- a) Surat hakmilik asal;
- b) Borang pindahmilik(14A);
- c) Sijil Probet / *Grant of Probate*;
- d) Wasiat si mati / *Will*;
- e) Surat mati / sijil pengesahan kematian si mati;

- f) Surat Akuan Sumpah (*Statutory Declaration*) daripada waris-waris si mati yang mengizinkan penjualan hartanah si mati kepada pembeli yang ditandatangani atau cop jari dengan sempurna oleh kesemua waris-waris si mati di hadapan Pesuruhjaya Sumpah (*Commissioner of Oaths*) **ATAU** Surat Keizinan (*Letter of Consent*) daripada waris-waris si mati yang mengizinkan penjualan hartanah si mati kepada pembeli yang ditandatangani atau cop jari dengan sempurna oleh kesemua waris-waris si mati di hadapan seorang peguam yang bertauliah; dan
- g) Borang di Jadual 15, *Selangor Land Rules 2003 – Application For Registration As Representative*, perenggan 51(O).

3.2 Sekiranya wasiat si mati menyatakan bahawa wakil mempunyai kuasa untuk menjual hartanah si mati (*power of disposal*) maka permohonan wakil untuk memindahmilik hartanah si mati tanpa memindahmilik kepada waris-waris si mati terlebih dahulu bolehlah didaftarkan di pejabat tanah dengan syarat semua perkara yang dikehendaki di perenggan 3.1 dipenuhi.

3.3 Jika wasiat si mati tidak menyatakan dengan jelas bahawa wakil mempunyai kuasa untuk menjual hartanah si mati, maka permohonan oleh wakil untuk memindahmilik hartanah si mati kepada pembeli tanpa memindahmilik kepada waris-waris si mati terlebih dahulu hendaklah disertai dengan Perintah Mahkamah yang menyatakan bahawa wakil boleh menjual hartanah si mati.

3.4 Jika nama wakil yang ingin membuat permohonan seperti garis panduan sementara ini masih belum lagi didaftarkan di atas hakmilik sebagai wakil ke atas hartanah si mati, pendaftaran tersebut boleh dibuat bersekali dengan permohonan untuk mendaftarkan nama pembeli, asalkan pendaftaran nama wakil ke atas suratan hakmilik bagi hartanah si mati didaftarkan terlebih dahulu sebelum pendaftaran pindahmilik daripada nama wakil ke atas nama pembeli dibuat.

4. **KUAT KUASA**

Pemakaian pekeliling ini berkuat kuasa sebelum dari tarikh pekeliling ini sehinggalah dibatalkan oleh mana-mana pekeliling yang akan datang atau dibatalkan oleh Perintah Mahkamah yang sah dan jelas.

T.T

(ZOAL AZHA BIN YUSOF)

Pengarah Tanah dan Galian,
Selangor Darul Ehsan.

Bertarikh : 5 OKTOBER 2005

*** DIBATALKAN DENGAN PEKELILING BIL.5/2006 ***